

Tarikan seni arca

■ Rekaan patung Matryoshka Russia di atas bola dipertonton

Garret Dawum
garret@nstp.com.my

Cheras

Arca patung Matryoshka Russia di atas bola hasil rekaan penuntut tahun satu Diploma Reka Bentuk Grafik menjadi antara karya menarik dipertontonkan di Pameran Seni sempena Piala Dunia 2018 anjuran Institut Seni Kreatif dan Rekaan (ICAD) Universiti UCSI, kelmarin.

Penuntut Eunice Chan Yong Xin, 20, berkata, arca itu menampilkan identiti dan keunikan Russia sebagai penganjur Piala Dunia kali ini.

"Arca ini dibuat di atas bo-

la dan patung ini adalah lambang Russia berdasarkan kajian serta bacaan saya di dalam laman sesawang. Saya mengambil masa tiga minggu menyiapkan karya ini.

"Keunikan Russia saya terjemahkan dalam bentuk seni. Selain itu, saya melakar bangunan dan lokasi bersejarah Russia di atas bola," katanya.

Seramai 32 penuntut ICAD memamerkan karya masing-masing berdasarkan lambang negara yang bertanding dan turut dipersembahkan adalah pameran fesyen yang diinspirasikan da-



YERMOLOV (tengah) diiringi Dr Ahmad (kiri) melawat Pameran Seni sempena Piala Dunia 2018 anjuran Institut Seni Kreatif dan Rekaan (ICAD) Universiti UCSI, semalam.

ripada trofi Piala Dunia.

Majlis itu dirasmikan Duta Besar Russia ke Malaysia, Valery N Yermolov sambil disaksikan Timbalan Naib Canselor Hubungan Luar dan Antarabangsa Universiti UCSI, Profesor Datuk Dr Ahmad Zainuddin.

Selain arca patung itu, yang menarik perhatian pengunjung ialah figura mini 22 pemain yang akan membaharisi skuad Argentina pada

Piala Dunia kali ini hasil rekaan penuntut Diploma Rekaan Fesyen, Lee Ker Qing, 20.

Pelajar dari Kuala Lumpur itu berkata, karya yang dinamakan Prepare For Glory terbahagi diinspirasikan daripada kehebatan pasukan Argentina yang selalu menampilkan permainan menarik.

"Saya bukan peminat bola sepak yang tegar tetapi saya membuat kajian sebelum terjemahkan karya ini. Hasil bacaan saya mendapati Argentina mempunyai prinsip kehebatan pasukannya hasil daripada bakat di seluruh



REKAAN arca patung Matryoshka Russia di atas bola.

negara itu.

"Saya meletakkan lokasi menarik termasuk gunung tertinggi di Argentina untuk arca bola ini. Saya mengambil masa dua minggu menyiapkan arca ini.

"Lionel Messi adalah pemain yang saya minat dan semoga Argentina akan menjuarai Piala Dunia kali ini kerana pasukan itu sudah mempersiapkan diri dengan pelbagai strategi," katanya.

FAKTA
Arca tampil keunikan Russia sebagai penganjur Piala Dunia kali ini